

Pemuda Kedah cadang Dr. M digantung keahlian

ALOR STAR 29 Okt. - Pergerakan Pemuda UMNO Kedah mencadangkan supaya keahlian UMNO Tun Dr. Mahathir Mohamad digantung berikutan tindakannya yang terus mengkritik kerajaan.

Ketua Pemuda UMNO Kedah, Mohd. Rawi Abdul Hamid berkata, langkah tersebut perlu diambil kerana kenyataan yang dikeluarkan oleh Dr. Mahathir telah menimbulkan banyak kontroversi

"Pemuda Kedah meminta pucuk pimpinan UMNO mengambil tindakan disiplin terhadap beliau mengikut peruntukan seperti yang termaktub dalam perlembagaan parti.

'Tindakan tegas itu perlu diambil supaya semua anggota UMNO patuh kepada perlembagaan parti tanpa mengira sesiapa.

"Jika perbuatan seseorang itu dilihat boleh menjejaskan parti, tindakan disiplin sama ada amaran atau menggantung keahlian mesti diambil," katanya pada sidang akhbar di Wisma Darul Aman di sini hari ini.

Dr. Mahathir kembali mewarnai politik negara apabila kurang daripada 24 jam selepas pertemuan dengan Perdana Menteri di Sri Perdana, Putrajaya Ahad lalu, beliau secara terbuka mengkritik Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi.

Serangan yang dianggap Perdana Menteri sebagai 'racun yang amat berbisa' itu menyebabkan para pemimpin Barisan Nasional (BN) tersentak dan menganggap tindakan Dr. Mahathir tersebut sebagai tidak wajar.

Ekoran itu, pelbagai pihak tampil mengemukakan pandangan termasuk menyarankan Dr. Mahathir melepaskan jawatan penasihat di beberapa agensi kerajaan dan meminta beliau meninggalkan parti UMNO.

Mohd. Rawi berkata, pihaknya akan menghantar faks kepada Ibu Pejabat UMNO di Kuala Lumpur esok berhubung cadangan menggantung keahlian Dr. Mahathir.

Katanya, tindakan Dr. Mahathir yang berterusan mengkritik kerajaan selama ini mungkin mempunyai matlamat tertentu dan dipengaruhi pihak ketiga.

"Kita telah duduk berbingcang bagi mengetahui kenapa Tun buat pelbagai dakwaan dan kita mendapati ia bermatlamat.

"Kita juga melihat kenyataannya mewakili kepentingan pihak ketiga yang ingin mengambil kesempatan atas kedudukan beliau sebagai bekas Perdana Menteri," katanya.